

EKONOMI & KERJA

ANTARA KAUM HAWA YANG MERAHAI MANFAAT PROGRAM CODETTE CARES



Teknologi wadah positif niaga, insan dan sekitaran

BAGI ramai orang, bermain 'game' atau permainan dalam talian merupakan cara untuk melepaskan stres.

Tetapi bagi Cik Nurin Qistina Mohamad Ali, pengalaman belajar mengekod menerusi satu permainan dalam talian telah memupuk rasa minat terhadap teknologi dan khususnya, bidang pengkodan.

Kini, Cik Nurin Qistina, 21 tahun, menerokai minatnya itu dengan lebih lanjut dan merupakan mahasiswi tahun kedua dalam program ijazah Sains (Sistem Maklumat) dengan pengkhususan dalam Pengurusan Bandar Bijak dan Teknologi di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Ekoran minatnya dalam bidang teknologi, beliau menjadi antara dua pelajar yang menerima pembiayaan dana sebanyak \$1,500 dan bimbingan di bawah program 'Codette Cares'.

Menurut Cik Nurin, minat terhadap teknologi bermula pada usia semuda 11 tahun dan keluarganya sering memberi sokongan untuk meneroka minat itu.

"Malah, ibu saya yang menggalak saya mengambil kursus saya di politeknik sebelum ini dalam teknologi maklumat perniagaan sebab beliau perhatikan yang saya minat dalam aspek teknologi seperti permainan video," ujar beliau.

Berkongsi tentang aspirasinya dalam bidang teknologi, Cik Nurin Qistina berkata: "Antara aspirasi saya ialah untuk meninggalkan kesan positif dalam apa sahaja yang dilakukan. Saya mendapati ini boleh dilakukan menerusi teknologi. Justeru saya berharap dapat menggunakan teknologi untuk meninggalkan kesan positif dalam kehidupan orang, perniagaan dan sekitaran."

Dalam hal ini, beliau berpendapat golongan wanita boleh memainkan peranan dalam dunia teknologi dan membentuk teknologi.

Menurut beliau, sebagai seorang pelajar, kesan krisis Covid-19 turut dirasakan. Bukan sahaja penularan virus itu mengubah cara pengajian dengan lebih banyak kelas dalam talian, tetapi seperti ramai pelajar, beliau juga prihatin tentang kekurangan peluang pekerjaan.

"Dengan memikirkan realiti itu, The Codette Project telah membantu saya memastikan saya bersedia walau apa sahaja keadaan dunia. Mereka banyak memberi bantuan dan sumber, yang membuat saya rasa benar-benar disokong baik sebagai seorang pelajar dalam bidang ini," terang beliau.

Tambah Cik Nurin Qistina, pengalaman sejauh ini dibimbing oleh mentor di bawah pertubuhan itu turut mendedahkannya kepada banyak kemahiran dan pengetahuan baru.

Apabila ditanya bagaimana beliau akan memanfaatkan dana pembiayaan yang diterima, beliau merancang untuk menggunakan sebahagiannya untuk perbelanjaan sekolah dan program pertukaran sekolah kelak.

Cik Nurin juga gembira dapat mengikuti program bimbingan yang banyak memberi galakan dan sokongan kepadanya.

"Salah satu matlamat saya tahun depan ialah mendapat tempat dalam program bekerja sambil belajar, jadi mentor saya telah menolong dari sudut prospek kerjaya, membina resume dan panduan temu ramah," tambahnya.

HARAPAN MAHASISWI: Cik Nurin Qistina merupakan mahasiswi tahun kedua dalam program ijazah Sains (Sistem Maklumat) dengan pengkhususan dalam Pengurusan Bandar Bijak dan Teknologi. – Foto BM oleh ONG WEE JIN